

**55 Syarikat Dipilih Sebagai Pembekal Perisian GST, Kata KP Kastam
Bernama
12 Mac, 2014**

PUTRAJAYA, 12 Mac (Bernama) -- Sebanyak 55 syarikat telah dipilih untuk menjadi pembekal perisian perakaunan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaftar.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Khazali Ahmad berkata senarai syarikat yang dipilih daripada 72 syarikat yang memohon akan disenaraikan di laman web jabatan berkenaan dan akhbar terpilih secepat mungkin bagi memudahkan syarikat PKS membeli perisian berkenaan.

"Syarikat PKS yang telah membeli perisian itu nanti boleh membawa resit belian mereka ke SME Corp bagi mendapatkan subsidi, namun jumlah subsidi yang akan diberikan masih belum diputuskan," katanya kepada media selepas majlis penyampaian sijil kepada pembekal-pembekal perisian perakaunan GST, Rabu.

Jelasnya, kerajaan telah memperuntukkan bantuan kewangan berjumlah RM150 juta bagi tujuan pembelian perisian perakaunan yang mematuhi GST kepada syarikat PKS.

Khazali berkata harga perisian-perisian ini akan bermula dari serendah RM1,200 hingga ke puluhan ribu ringgit bergantung kepada ciri yang terdapat pada perisian yang dijual oleh setiap pembekal.

"Syarikat PKS boleh mendaftarkan diri mereka dengan pihak Kastam bermula 1 Mei bagi melayakkan mereka mendapatkan bantuan subsidi yang diperuntukkan," katanya sambil menambah pihaknya menjangka pembelian sistem perakaunan ini akan bermula pada 1 Jun nanti.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan Malaysia akan melaksanakan sistem GST mulai 1 April 2015 yang akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan ketika membentangkan Bajet 2014 lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021371>